

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG TACK [BENTONG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani impak perubahan iklim dalam sektor pertanian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menyedari impak perubahan iklim kepada sekuriti makanan negara, MAFI dalam proses pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025 yang meliputi langkah-langkah menangani isu-isu perubahan iklim yang melibatkan sektor pertanian. Ini termasuk perluasan penyelidikan dan pembangunan menggunakan kaedah teknologi berasaskan iklim dengan atau dengan izin “*climate-based technology*”.

Pelan DSMN ini disokong dengan usaha-usaha bagi mengadaptasi perubahan iklim melalui pelaksanaan langkah-langkah seperti berikut:

1. Bagi sektor padi, pembinaan kelengkapan infrastruktur amalan pengairan sawah secara *Alternate Wetting and Drying* (AWD) bagi menggantikan pengairan secara “banjir” (*Continuously Flooded*) untuk mengoptimumkan penggunaan air dan meningkatkan kecekapan infrastruktur pengairan;
2. Pembangunan dan penggunaan varieti benih padi tahan banjir atau tahan kemarau (padi anaerob dan padi aerob) yang mempunyai kerintangan terhadap saliniti tinggi dan air yang berkurangan;
3. Pertanian dalam persekitaran terkawal (*Control Environment Farming*) seperti kilang tanaman (*plant factory*) merupakan pembangunan pertanian dalam persekitaran terkawal di mana semua elemen yang diperlukan oleh tanaman seperti cahaya, suhu, karbon dioksida dan kelembapan dikawal secara buatan;

SOALAN NO : 29

4. Penuaian Air Hujan (*Rainwater Harvesting*) dan telaga tiub (*tube well*) merupakan teknologi bagi mengatasi masalah kekurangan sumber air semasa musim panas;
5. Pembuatan silaj dan hay bagi sektor ternakan. Ini bertujuan sebagai konservasi makanan di musim terdapat banyak rumput. Silaj dan hay ini akan menjadi sumber bekalan makanan utama ternakan apabila berlaku kekurangan rumput segar semasa kemarau melanda; dan
6. Penyediaan kemudahan bekalan air paip dan sistem tangki sebagai sumber air utama di kawasan penternakan untuk kegunaan kandang dan siraman pastura bagi mengurangkan tegasan haba (*heat stress*) dan memastikan kelangsungan bekalan makanan ternakan pada musim kemarau yang berpanjangan.

Sekian, terima kasih.